

MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	28 Jul 2016	Readership	875,000
Circulation	197,202	Color	Full Color
Section	Negara	ArticleSize	493 cm <sup>2</sup>
Page No	11	PR Value	RM 38,530
AdValue	RM 12,843		



# Siren merah Turki, iktibar buat Malaysia

**T**ERDAPAT pelbagai komentar berkenaan pergolakan rampasan kuasa yang berlaku di Turki. Para penganalisis politik antarabangsa kini sedang berteori sebalik perang sivil yang sedang berlaku di sana.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa Fethullah Gulen, seorang ulama Turki yang kini hidup sebagai lindungan suaka politik di Amerika Syarikat (AS) merupakan dalang di sebalik insiden kekacauan tersebut.

Beliau dipersalahkan oleh Presiden Recep Tayyip Erdogan untuk sabotaj rampasan kuasa yang gagal di Turki pada kali ini.

Namun, ada pihak yang mafsirkan bahawa pemberontakan oleh anggota tentera negara itu adalah konspirasi yang sengaja dibuat oleh pihak kerajaan bagi melemahkan polarisasi pengaruh Gullen. Terdapat banyak tanda tanya besar bagaimana cubaan menjatuhkan kepimpinan Erdogan itu telah dilaksanakan.

Jika dilihat dari sudut skala operasi faksi ketenteraan melalui penggunaan jet pejuang dan kereta kebal, ia sepertinya telah dirancang oleh tokoh-tokoh kanan tentera itu sendiri.

Walau bagaimanapun percubaan rampasan kuasa ini hanya dijalankan oleh sebahagian kelompok dalam angkatan tentera Turki dan tidak menggambarkan keseluruhan militari seperti apa yang berlaku di Mesir.

Sebelum percubaan rampasan kuasa tentera itu, beberapa bandar di Turki seperti Ankara dan Istanbul digegarkan dengan letupan beberapa kali.

Pada bulan Ramadan yang lalu, kita dikejutkan dengan letupan pengebom berani mati yang mengorbankan orang awam di Lapangan Terbang Ataturk.

Ramai yang tertanya-tanya atas sebab dan matlamat apa usaha jahat itu dilakukan?

Nama-nama organisasi berideologi ekstrem seperti Parti Pekerja Kurdistan, People's Protection Units, Parti Demokratik Bersatu dan militer Islamic State acapkali dikaitkan sebagai penggerak utama penentangan ini.

Malah, penularan sentimen dendam warga Kurds melalui semangat menuntut kemerdekaan yang melibatkan krisis Wilayah Autonomi Kurdistan adalah faktor utama berlakunya ketidakstabilan sosio-politik di sana.

Bagaimanapun, apa yang terjadi di Turki bukanlah seperti mana situasi yang berlaku di negara-negara



Menjengah  
Minda

Bersama MOHD.  
MUZAMMIL ISMAIL

Arab lain seperti Mesir dan Libya apabila berlakunya penentangan terhadap pemerintah dari dalaman seperti revolusi atau ketidakpuasan hati rakyat.

Ironinya, apa yang berlaku di Turki adalah kesan daripada hasilutan pihak tertentu yang melaka-lagakan antara puak pemisah Kurds dan pemerintah Turki. Selain itu, terdapat juga unsur-unsur campur tangan kuasa luar.

Banyak kuasa besar dunia seperti AS dan Israel yang mencemburui negara yang mempunyai majoriti 96 peratus warga Muslim ini dek kerana ketabilan keamanan dan kemajuan yang dikehendaki.

Lihat sahaja struktur organisasi ketenteraan yang rapi, kepesatan sektor pelancongan dan perkembangan aktiviti perdagangan mereka yang merentasi benua Asia dan Barat. Sudah pasti banyak tangan hitam yang kepanasan dengan.

Di sebalik apa yang terjadi, apa pengajaran buat Malaysia?

## 1) Mencapai ketabilan politik

Melihat kepada apa yang sedang berlaku di Turki, parti pemerintah di sana sedang berhempas-pulas untuk menstabilkan kekalutan yang berlaku kesan daripada penentangan dari dalam dan luar negara.

Parti pemerintah Turki, AKP tidak boleh dianggap sebagai maksum sehinggaikan semua perkara yang dilaksanakan tidak boleh dikritik. Namun pada masa kini, disebutkan keharusan hukum bagi menyokong usaha AKP untuk menstabilkan kedudukan politik semasa negara

Turki dalam memulihkan ketabilan politik dan awam.

Pentadbiran dan perkembangan ekonomi negara mereka menjadi kacau bilau, malah Turki berdepan dengan kehancuran organisasi kesmasyarakatan.

Rakyat Malaysia perlu mengelak daripada turut berdepan dengan situasi yang sama dengan Turki.

## 2) Mengelak campur tangan asing yang mengganggu ketabilan politik

Malaysia perlu terus tegas dalam menentang sebarang campur tangan asing khususnya kuasa-kuasa besar dunia dalam urusan dalaman sesebuah negara.

Mengambil iktibar daripada apa yang berlaku di negara-negara yang sedang bergolak, ancaman dalaman dan luaran termasuk campur tangan kuasa asing yang menggugat ketabilan dan kedaulatan negara tersebut menjadi faktor utama dalam berlakunya krisis perperangan, pembertonan dan keganasan.

## 3) Sentimen perkauman dan agama.

Menggunakan sentimen perkauman dan agama untuk membuat rakyat kita bertelaah sesama sendiri serta melakarkan imej buruk dalam landskap politik terhadap pemikiran masyarakat kita merupakan sesuatu yang menggugat kesejahteraan masyarakat dan negara.

Walaupun pada hakikatnya tidak semua rakyat Turki menyokong penuh kepimpinan Erdogan, tetapi mereka menolak sebarang bentuk pencabulan demokrasi yang ingin dilakukan.

Perpaduan dan hubungan harmoni wujud antara rakyat, adalah simbol kejayaan di peringkat global.

**MOHD. MUZAMMIL ISMAIL**  
ialah Felo Akademik Pusat Pengajian Kerajaan, Jabatan Perancangan dan Pembangunan Hartanah, Universiti Utara Malaysia